

PENGGUNAAN INTERNET DAN KELESTARIAN INSAN DALAM TRANSFORMASI PEMBANGUNAN NEGARA

Noraniza Binti Yusoff¹

¹*Pusat Pengajian Kerajaan, Kolej Undang-undang, Kerajaan dan Pengajian
Antarabangsa
(UUM COLGIS), 06010 UUM Sintok, Kedah Darul Aman, Malaysia
noraniza@uum.edu.my*

ABSTRAK

Internet pada hari ini menjadi satu kemudahan awam, koperatif dan mampan diri yang dapat diperoleh oleh beratus-ratus juta orang di seluruh dunia. Kelestarian adalah tentang daya maju dalam perubahan ekonomi, sosial dan alam sekitar jangka panjang. Impak sosial dari ICT dan internet mempunyai kesan penting bagi agenda kelestarian. Ekonomi internet dan ekonomi digital adalah istilah yang semakin digunakan untuk menerangkan dimensi ekonomi dalam masyarakat maklumat selepas-industri dan sering dilihat menawarkan cara ke arah pertumbuhan hijau. Ekonomi internet adalah perniagaan melalui pasaran berasaskan internet dan *World-Wide Web* yang berbeza dari ekonomi tradisional. Penggunaan internet boleh menyumbang pada kelestarian pembangunan dengan menggantikan perjalanan peribadi sekali gus menjimatkan tenaga. Kelestarian manusia pula mengekalkan modal insan yang merangkumi barangan persendirian individu dan bukannya antara individu atau masyarakat. Objektif kajian ialah untuk menentukan latar belakang demografi pengguna internet di kafe siber dan menentukan tujuan dan aktiviti penggunaan internet di kafe siber, perisian dan perkakasan yang digunakan serta berguna. Kajian penyelidikan asas untuk penerokaan ini menggunakan kaedah pengutipan data melalui pendekatan kuantitatif menggunakan borang kaji selidik di kafe siber di negeri Kedah, Malaysia. Keputusan kajian menunjukkan pengguna internet yang menggunakan emel adalah bertujuan untuk menghantar mesej, maklumat, dokumen, menggunakan *webmail*, menggunakan perkhidmatan POP3 emel, menggunakan emel IMAP dan pelayan emel MAPI. Ia adalah selari dengan kelestarian pembangunan iaitu menggantikan perjalanan peribadi dan akhirnya menjimatkan tenaga. Masalah seperti komunikasi yang kurang, penyelidikan tidak terselaras dan berpecah-pecah dan kekurangan am dalam kerjasama antara kumpulan yang berkongsi matlamat serupa boleh mencari penyelesaian dalam alat internet dan lain-lain teknologi komunikasi internet.

Kata kunci: Penggunaan internet¹; kelestarian insan²; transformasi³; pembangunan negara⁴; ekonomi internet⁵.

PENGENALAN

Internet pada hari ini menjadi satu kemudahan awam, koperatif dan mampan diri yang dapat diperoleh oleh beratus-ratus juta orang di seluruh dunia. Kelestarian adalah tentang daya maju dalam perubahan ekonomi, sosial dan alam sekitar

jangka panjang. Impak sosial dari ICT (*Information and Communication Technology*) dan internet mempunyai kesan penting bagi agenda kelestarian. Ekonomi internet dan ekonomi digital adalah istilah yang semakin digunakan untuk menerangkan dimensi ekonomi dalam masyarakat maklumat selepas-industri dan sering dilihat menawarkan cara ke arah pertumbuhan hijau. Ekonomi internet adalah perniagaan melalui pasaran berasaskan internet dan *World-Wide Web* yang berbeza dari ekonomi tradisional (Economyweb.com, n.d.). Penggunaan internet boleh menyumbang pada kelestarian pembangunan dengan menggantikan perjalanan peribadi sekali gus menjimatkan tenaga. Kelestarian manusia pula mengekalkan modal insan yang merangkumi barangan persendirian individu dan bukannya antara individu atau masyarakat (Goodland, 2002).

Bagi banyak pengguna-pengguna internet, mel elektronik (e-mel) telah hampir-hampir menggantikan Perkhidmatan Pos bagi urusan niaga bertulis pendek. Mel elektronik ialah aplikasi yang paling digunakan dengan luas di internet. “Perbualan” secara langsung dengan pengguna-pengguna komputer yang lain boleh dibuat menggunakan *Internet Relay Chat* (IRC). Lebih baru, perkakasan dan perisian telefoni internet membenarkan perbualan suara masa sebenar. Bahagian yang paling digunakan dengan luas dari internet ialah *World Wide Web* (kerap kali singkatan “WWW” atau dipanggil “*the Web*”) (SearchWinDevelopment, 2012). Laporan *EU Kids Online* (n.d.) menyatakan bahawa 9 peratus daripada orang berumur 11-16 telah mengalami penyalahgunaan data peribadi dan 30 peratus orang berumur 11-16 tahun melaporkan satu atau lebih pengalaman yang dikaitkan dengan penggunaan internet yang berlebihan ‘munasabah’ atau ‘sangat kerap’.

Awad Mohamed Ahmed dan Elsadig Yousif (2007) membincangkan beberapa masalah dan kesukaran yang dihadapi oleh doktor tentang menggunakan internet. Status penggunaan internet di kalangan profesional-profesional perubatan nampaknya akan menjadi serba kurang. Hospital dan sekolah perubatan kekurangan perkhidmatan internet yang betul atau bahkan cukup komputer peribadi. Kajian dahulu yang menyiasat penggunaan internet oleh doktor-doktor Sudan (dan pelajar-pelajar perubatan) baru-baru ini telah dijalankan oleh penulis. Ia mendedahkan bahawa hanya 18 peratus doktor *junior* menggunakan internet pada setiap hari, dan kebanyakan daripada mereka menggunakannya untuk e-mel pada biaya aplikasi-aplikasi berguna lain seperti melayari pangkalan data atau memuatkan maklumat. Dua pertiga daripada responden memberi nilai kebolehan mereka tentang penggunaan internet sebagai serba kurang (Awad Mohamed Ahmed dan Elsadig Yousif, 2007).

ULASAN KARYA

Menurut Palani Murugappan (1999) internet ialah satu sistem rangkaian komputer global yang dihubungkan antara satu sama lain. Internet merupakan rangkaian-rangkaian komputer yang dihubungkan dengan kabel serta satelit, dan komunikasi antaranya berlaku secara spontan. Asal usul internet ialah bermula pada penghujung tahun 50an. Dalam tahun 1969, ARPA menubuhkan ARPANET yang menjadi detik permulaan internet. Rogers (n.d.) menyatakan bahawa jurang digital boleh diatasi atau boleh disederhanakan kadarnya dengan menyediakan komputer awam yang membolehkan akses ke internet. Akses juga boleh disediakan oleh *telecenter* dan kafe siber milik persendirian. Teknologi komunikasi dari internet telah dikonsepsikan sebagai sejenis alat pembangunan yang berbeza yang mempunyai reka bentuk, perkilangan dan penjualan perisian serta perkakasan komputer untuk perdagangan berkaitan internet dan lain-lain aplikasi menunjukkan satu jenis penting dalam pertumbuhan ekonomi. Ini ada pertalian dengan apa yang dinyatakan oleh Goodland (2002) bahawa kelestarian manusia bermakna mengekalkan modal insan seperti kesihatan, pendidikan, kemahiran, pengetahuan, kepimpinan dan akses ke perkhidmatan yang membentuk modal manusia. Pelaburan dalam pendidikan, kesihatan dan pemakanan individu telah diterima sebagai sebahagian dari pembangunan ekonomi.

Weiser (2000) mengemukakan tinjauan termasuk 19 item dan telah disediakan kepada pengguna internet. Versi kertas-dan-pensil adalah diberi kepada beberapa ratus pelajar psikologi pengenalan. Keputusan menunjukkan lelaki menggunakan internet kebanyakannya untuk tujuan-tujuan berkaitan hiburan dan masa lapang, sedangkan perempuan menggunakan ia terutamanya bagi bantuan komunikasi dan pendidikan interpersonal. Analisis tambahan menunjukkan beberapa perbezaan gender telah diantarai oleh perbezaan dalam umur dan pengalaman internet.

Poon dan Swatman (1997) dalam kajian bertajuk "*Small business use of the internet: Findings from Australian case studies*" menyatakan bahawa penggunaan internet di kalangan perniagaan-perniagaan kecil baru-baru ini menjadi topik yang popular untuk penyelidikan dalam bidang pemasaran, sistem maklumat dan keusahawanan. Ia adalah penting untuk perniagaan kecil belajar daripada pengalaman pengguna awal internet. Souter (2012) menyatakan bahawa sektor komunikasi telah mewujudkan pasaran baru (penyelenggaraan komputer, penyediaan perkhidmatan internet, kafe siber dan lain-lain) dan membuka peluang pekerjaan kepada ramai orang iaitu yang berkemahiran tinggi (pengaturcara komputer) dan berkemahiran rendah (*vendor* untuk kad telefon).

Cullen (2002) dalam kajian bertajuk "*In search of evidence: family practitioners' use of the internet for clinical information*" bertujuan untuk menentukan tahap penggunaan internet bagi maklumat klinikal di kalangan pengamal keluarga di New Zealand, kemahiran mereka dalam menilai dan menaksir maklumat ini, dan cara mereka berurusan dengan pesakit menggunakan maklumat dari internet.

Satu sampel rawak ahli-ahli *Royal New Zealand College of General Practitioners* telah meninjau untuk menentukan penggunaan internet mereka sebagai satu sumber maklumat dan akses mereka kepada MEDLINE.

KONSEP PENGGUNAAN INTERNET

Penggunaan menurut Steel (2000) ialah tindakan membuat sesuatu dengan satu mesin, satu objek, satu kaedah dan lain-lain bagi satu tujuan khusus. Internet ialah satu sistem rangkaian komputer di seluruh dunia – satu rangkaian dalam rangkaian di mana pengguna-pengguna di setiap satu komputer boleh, jika mereka mempunyai kebenaran, mendapatkan maklumat daripada sebarang komputer yang lain (dan kadang-kadang bercakap secara terus kepada pengguna-pengguna pada komputer-komputer yang lain) (SearchWinDevelopment, 2012). Oleh itu penggunaan internet ialah tindakan menggunakan sistem rangkaian komputer di seluruh dunia bagi satu tujuan khusus.

KAEDAH KAJIAN

Objektif kajian ialah untuk menentukan latar belakang demografi pengguna internet di kafe siber dan menentukan tujuan serta aktiviti penggunaan internet di kafe siber, perisian dan perkakasan yang digunakan serta berguna dan kandungan internet yang boleh dipercayai. Kajian penyelidikan asas untuk penerokaan ini menggunakan kaedah pengutipan data melalui pendekatan kuantitatif menggunakan borang kaji selidik di kafe siber di negeri Kedah, Malaysia. Persampelan ialah persampelan bertujuan dan sampel kajian adalah terdiri daripada individu yang menggunakan internet di kafe siber di Alor Setar dan Kulim, Kedah Darul Aman. Bilangan responden ialah seramai 70 orang responden. Nilai Cronbach's Alpha ialah 0.989 dengan 238 item soalan. Pilihan jawapan responden ialah menggunakan skala kedudukan (*rating scales*) iaitu skala dikotomi, skala kategori dan Skala Likert (tidak tahu, sangat tidak setuju, tidak setuju, setuju dan sangat setuju). Pembolehubah penggunaan internet ialah merangkumi tujuan penggunaan internet di kafe siber, aktiviti-aktiviti penggunaan internet di kafe siber, perisian dan perkakasan yang digunakan dan berguna di kafe siber serta kandungan internet yang boleh dipercayai. Jenis maklumat atau data yang boleh diperolehi daripada soalan ialah soalan-soalan kelakuan (memerlukan maklumat mengenai aktiviti responden) dan soalan-soalan pengetahuan (menguji pengetahuan responden mengenai isu-isu semasa dan sebagainya).

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Latar Belakang Pengguna Internet

Mod pemboleh ubah gender ialah 1.00, 59 orang (94.3 peratus) responden kajian ialah lelaki dan 11 orang (15.7 peratus) responden kajian adalah perempuan. Jadual 1 menunjukkan statistik gender pengguna internet di kafe siber yang menjadi responden kajian.

Jadual 1: Gender responden kajian

Gender	Kekerapan	Peratus (%)
Lelaki	59	84.3
Perempuan	11	15.7
Jumlah	70	100

Mod umur responden kajian ialah 2.00, 33 orang (47.1 peratus) responden adalah dalam kategori umur 11 tahun hingga 20 tahun, 19 orang (27.1 peratus) responden adalah dalam lingkungan umur 21 tahun hingga 30 tahun, 4 orang (5.7 peratus) adalah berumur 31 tahun hingga 40 tahun dan 12 orang (17.1 peratus) responden kajian adalah berumur 41 tahun ke atas. Jadual 2 menunjukkan statistik umur responden kajian.

Jadual 2: Kategori umur responden kajian

Kategori Umur	Kekerapan	Peratus (%)
11 tahun hingga 20 tahun	33	48.5
21 tahun hingga 30 tahun	19	27.9
31 tahun hingga 40 tahun	4	5.9
41 tahun ke atas	12	17.6
Jumlah	68	100

Penggunaan Internet Dan Kelestarian Insan

Keputusan kajian menunjukkan pengguna internet yang menggunakan emel adalah bertujuan untuk menghantar mesej (70%), maklumat (> 78%), dokumen (>

62%), menggunakan *webmail* (> 32%), menggunakan perkhidmatan POP3 emel (>7%), menggunakan emel IMAP (> 8%) dan pelayan emel MAPI (> 5%). Ia adalah selari dengan kelestarian pembangunan iaitu menggantikan perjalanan peribadi dan akhirnya menjimatkan tenaga. Masalah seperti komunikasi yang kurang, penyelidikan tidak terselaras dan berpecah-pecah dan kekurangan am dalam kerjasama antara kumpulan yang berkongsi matlamat serupa boleh mencari penyelesaian dalam alat internet dan lain-lain teknologi komunikasi internet (Souter, 2012).

Pengguna internet untuk tujuan *Internet Relay Chat/Internet Relay Chat rooms* (IRC) ialah untuk memindahkan teks (> 24%), memindahkan fail (> 8%), berbual (> 31%), komunikasi forum (> 21%), komunikasi satu-sama-satu (> 37%), menyambung pada klien Windows (> 17%), menyambung pada klien Unix dan Linux (> 12%), menyambung pada klien Mac OS X (> 8%), menyambung pada klien iOS (> 21%) dan menyambung pada klien Android (> 12%). Perkara 1, *IV. A sustainable world economy, Our Common Future, Chapter 3: The Role of the International Economy* menyatakan bahawa melalui zaman, manusia telah mencapai luar sempadan mereka sendiri untuk memperolehi bahan penting, bernilai dan eksotik. Komunikasi lebih pasti hari ini dan perdagangan lebih besar dan pergerakan modal telah membesarkan proses ini, mempercepatkan langkah dan mengurniaknya dengan implikasi ekilogikal meluas. Oleh itu, usaha untuk mengekalkan kelestarian memerlukan perubahan besar dalam hubungan ekonomi antarabangsa (Report of the World Commission on Environment and Development: Our Common Future, n.d.).

Tujuan penggunaan internet untuk *Multi-User Dungeons* (MUDs) ialah untuk tujuan pertempuran (> 10), perangkap (10%), teka-teki (> 11%), sihir (> 2%), sistem ekonomi mudah (> 2%), menggunakan elemen MUDs *Hack and slash* (> 7%), MUDs pemain melawan pemain (> 13%), MUDs bermain peranan (> 12%), MUDs sosial (20%), MUDs *Talkers* (> 10%), MUDs pendidikan (> 24%) dan MUDs grafik (> 17%). Tujuan penggunaan internet untuk papan mesej ialah untuk menghantar mesej (> 72%), menghantar mesej awam (> 52%), membaca mesej (> 61%) dan memberi maklum balas kepada mesej (60 %). Tujuan penggunaan internet untuk penyelidikan ialah seperti untuk penyelidikan peribadi mengenai subjek tertentu (suatu yang disebut dalam berita, masalah kesihatan dan lain-lain) (> 85%), penyelidikan pelajar (> 85%), penyelidikan wartawan dan lain-lain penulis (> 48%) dan penyelidikan saintifik (70%). Tujuan perjalanan seperti untuk mencari maklumat perjalanan (> 87%) dan mencipta ruang maklumat perjalanan (> 64%). Tujuan untuk membina laman web ialah > 55%. Perkara 76, 7. *Merging Environment and Economics in Decision Making, Our Common Future, Chapter 2: Towards Sustainable Development* menyatakan bahawa kelestarian memerlukan penguatkuasaan tanggungjawab yang lebih luas untuk kesan keputusan. Ini memerlukan perubahan dalam rangka undang-undang dan institusi yang akan menguatkuasakan kepentingan umum. Beberapa perubahan yang perlu dalam rangka undang-undang bermula dari kenyataan

